



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN  
HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN  
PERINGKAT SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**16 NOVEMBER 2019 (SABTU)**  
**4.30 PETANG**

**KONKOS**  
**MEGAMALL PINANG**  
**JALAN BARU**  
**BUKIT MERTA JAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Dato' Ng Hooi Lai**

Pengerusi JMB Megamall Pinang

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Seberang Perai yang diadakan di Konkos, Megamall Pinang, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Ng Hooi Lai, Pengerusi JMB Megamall Pinang, Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod, Setiausaha Bandaraya, tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada petang ini.

Saya amat berbesar hati untuk hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini kerana bagi saya, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, dan seterusnya amalan kitar semula, merupakan satu perkara yang amat penting sekali dalam usaha kita untuk mencapai pembangunan yang mampan, berkualiti dan seimbang.

**Yang Berbahagian Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Ianya merupakan satu detik yang bersejarah selepas empat dekad menjadi Majlis Perbandaran. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya.

Hala tuju MBSP adalah tetap jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*. Justeru itu, MBSP telah menetapkan lima (5) komitmen bandaraya iaitu: -

- I. Bandaraya Seberang Perai komited untuk seiring dengan *Penang2030* iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”;
- II. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon;
- III. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berdaya tahan;
- IV. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat; dan
- V. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya kompetitif dan pembangunan Bandar Pintar.

MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Bandar

Rendah Karbon (*Low Carbon City*) merupakan sebuah bandar yang berkemampuan membekalkan pembangunan asas di bandar, tanpa mengabaikan keperluan penduduk dan pada masa yang sama mampu mengawal pembebasan gas rumah hijau di bawah paras purata global. Bagi mencapai sasaran ini, MBSP telah menetapkan lima (5) strategi iaitu:-

- (i) **Strategi 1** : Pengangkutan Hijau (*Low Emission Transportation*)
- (ii) **Strategi 2** : Bangunan Hijau (*Low Emission Building*)
- (iii) **Strategi 3** : Infrastruktur Hijau (*Low Emission Infrastructures*)
- (iv) **Strategi 4** : Penghasilan dan Penggunaan Mampan (*Sustainable Production and Consumptions*)
- (v) **Strategi 5** : Kehijauan dan Penyerapan (*Greenery and Sequestrations*)

Justeru, salah satu hala tuju MBSP adalah untuk mencapai Kadar Kitar Semula sebanyak 70% dan pengurangan 50% per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan

Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 47.15% peningkatan sebanyak 3.9% dari tahun 2017. Selain itu, kadar per kapita sampah yang dihasilkan didapati berkurangan daripada 1.6 kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09 kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8 kg/orang/hari serta dapat mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada 8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita kepada 4.65 tan CO<sub>2</sub>e per kapita pada tahun 2022. Ini semua adalah hasil daripada pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy* yang rancak dilaksanakan di Seberang Perai. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai. Kita berada dilandasan yang betul.

**Yang Berbahagian Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan disambut setiap 11 November sebagai platform kepada masyarakat untuk memahami kepentingan amalan kitar semula. Selain itu, sambutan ini juga sebagai pemangkin pembudayaan amalan kitar semula sebagai langkah paling penting dan berkesan dalam menguruskan sisa pepejal secara mampan.

Pengurusan sampah dan pembersihan awam menelan belanja yang tinggi yang harus dipikul oleh MBSP. MBSP bersama Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengurangkan sisa yang dijana melalui pelbagai kaedah termasuklah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kempen Makan Sampai Habis, Program Kitar Semula dan *Upcycle*, *Smart Consumption Model 8R*, Program LA21 yang lain agar dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau. Pengurusan sampah yang baik terutamanya sisa makanan akan mengurangkan bau busuk, mencegah pembiakan makhluk perosak dan sekaligus memastikan alam sekitar lebih selesa dan sihat untuk didiami.

MBSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama strategik seumpama ini adalah menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama pelbagai pihak secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat.

MBSP sentiasa mengamalkan serta menggalakkan warga Seberang Perai menjadikan kitar semula sebagai tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. Masyarakat perlu belajar untuk menguruskan sumber. Bukan semua sampah adalah sampah, malah boleh



bertukar menjadi salah satu sumber pendapatan jika dapat diuruskan dengan baik.

MBSP amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua peringkat masyarakat di SPU, SPT dan SPS untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan amalan “*smart consumption model*” 8R [*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*].

Saya mewakili MBSP amat berbesar hati sekiranya warga Seberang Perai mengambil inisiatif membantu MBSP dalam pelaksanaan amalan 8R. Pihak MBSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti melalui pusat-pusat kitar semula yang ditubuhkan amat penting kerana ia dapat membantu MBSP dalam aspek menjaga kebersihan. Hasrat MBSP adalah untuk menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan serta selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat.

Melalui pengamalan 8R ini, program *upcycle* yang diperkenalkan dan dipromosikan kepada komuniti, terutamanya di pusat-pusat kitar semula boleh menghasilkan barangan dan dari bahan terbuang. Barangan yang dihasilkan secara kreatif ini tidak menggunakan bahan kimia sebaliknya memaksimumkan penggunaan bahan terbuang sedia ada.

MBSP juga menyediakan platform kepada komuniti untuk memasarkan barangan *upcycle* mereka seperti di *Car Free Morning* yang diadakan pada Ahad pertama setiap bulan di Jalan Todak Seberang Jaya, Karnival *Upcycle* yang diadakan pada Sabtu pertama setiap bulan di Autocity Juru, dan Karnival 8R di Pasar Awam Kota Permai yang diadakan pada Ahad terakhir setiap bulan.

Dengan adanya kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya pusat-pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan taman perumahan, kilang-kilang, NGO, sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai dan juga komuniti-komuniti peniaga seperti di sini, telah membolehkan MBSP berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 42% pada tahun 2016, 43.25% pada tahun 2017 dan 47.15% pada tahun 2018 yang merupakan kadar kitar semula tertinggi di Malaysia.

**Yang Berbahagian Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada 26 September 2019, seramai 22 individu pengiat kitar semula telah dipilih untuk menerima Anugerah "*Community Green Warrior*" atau Wira Hijau. Anugerah ini diberikan sebagai tanda penghargaan kepada individu yang memberikan komitmen dalam usaha-usaha memelihara dan memulihara alam sekitar bersama-sama MBSP dalam menjadikan Seberang Perai Aspirasi Masa Hadapan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada mereka atas usaha dan kecekalan dalam melaksanakan inisiatif hijau ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Saya amat mengharapkan agar penggiat-penggiat kitar semula dapat menjadi mentor bagi meningkatkan pengumpulan barang kitar semula. Jumlah kutipan bergantung kepada penghuni-penghuni rumah yang hantar barangan ke pusat. Kaedah ini tidak akan mencapai 100% penyertaan dalam komuniti berkenaan sekiranya kempen tidak dilaksanakan secara berterusan.

Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Seberang Perai pada hari ini adalah bertujuan untuk menarik masyarakat umum mengamalkan aktiviti kitar semula dan *upcycle*. Selain itu, MBSP juga memberi penghargaan kepada 69 pusat kitar semula di Seberang Perai. Kesemua pusat kitar semula akan diberikan sijil penghargaan di atas khidmat cemerlang mereka dalam penubuhan dan pelaksanaan kerja-kerja kitar semula di pusat-pusat kitar semula masing-masing.

Pusat kitar semula merupakan fasiliti yang di sediakan oleh komuniti bagi mengumpulkan bahan kitar semula di lokaliti mereka. Tidak dinafikan bukan mudah bagi penggiat pusat kitar semula untuk menyelia pusat kitar semula ini. Masih terdapat masyarakat yang menjadikan pusat kitar semula sebagai tempat untuk melupuskan sampah yang tidak boleh dikitar semula. Sehingga kini terdapat 69 Pusat Kitar Semula di seluruh Seberang Perai. Beratan barangan kitar semula yang disumbangkan oleh pusat-pusat kitar semula adalah sebanyak 256,590kg pada tahun 2017, 318,300kg pada tahun 2018 dan 141,358kg sehingga September 2019. Enam (6) daripada 69 Pusat Kitar Semula ini juga memainkan peranan sebagai Pusat Sumber Alam Sekitar yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengumpulan barangan kitar semula, pendidikan alam sekitar, pengumpulan sisa dapur dan organik dan melaksanakan aktiviti kebun kejiranan.

Saya mewakili MBSP amat berbesar hati sekiranya banyak lagi kawasan perkampungan, taman-taman perumahan, kompleks-kompleks perniagaan, kawasan perindustrian dan sekolah-sekolah di Seberang Perai mengambil inisiatif mewujudkan pusat-pusat kitar semula atau pusat sumber alam sekitar. Dengan menubuhkan lebih banyak pusat yang berkaitan dengan alam sekitar seterusnya dapat mendidik warga Seberang Perai akan kepentingan alam sekitar terhadap manusia sejagat. Barang-barang kutipan yang boleh dikitar semula boleh dikumpulkan bagi tujuan kerja amal dan sisa organik akan dijadikan kompos. Barangan seperti banner, kertas majalah, tayar dan bermacam barangan lagi boleh ditukar menjadi bahan upcycle yang bernilai dan boleh dijual untuk menjana pendapatan.

Kita perlu menghadapi cabaran dengan pertambahan sampah setiap hari, konsep 8R haruslah diamalkan dan menjadi budaya hidup kita. Walaupun sukar untuk kita mengubah cara pemikiran bagi pengurangan penggunaan dan menghadapi banyak rintangan terhadapnya, namun MBSP akan terus berusaha sedaya-upaya menuju ke arah sisa sifar. MBSP amat berbesar hati menganjurkan program-program yang bertujuan memelihara dan memulihara alam sekitar. Justeru, aktiviti-aktiviti seperti *urban farming*, *zero waste*, *composting*, kitar semula, gotong-royong kebersihan dan lain-lain adalah sebahagian dari usaha melindungi alam semula jadi.

**Yang Berbahagian Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Warga Seberang Perai telah dan akan terus memberikan komitmen yang baik dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain pemahaman mengenai kitar semula, masyarakat juga semakin menerima dan ingin mempelajari ilmu *upcycle* yang merupakan cetus idea daripada pengurusan bahan terbuang yang tidak dapat dikitar semula di pusat-pusat kitar semula. Berikutan itu, MBSP sedang melihat dan ingin mengkaji sejauh mana *Eco Recycle Plaza* dapat diwujudkan di Seberang Perai.

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini dan membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Marilah kita bersama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf

bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**